

**KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD
ATURAN KUMPULAN WANG SKIM PERLINDUNGAN PEMBIAYAAN**

1. TAJUK

- (1) Aturan ini dinamakan "Aturan Kumpulan Wang Skim Perlindungan Pembiayaan Koperasi Pegawai Kerajaan Negeri Pulau Pinang Berhad" atau ringkasnya "Aturan Skim Perlindungan Pembiayaan".
- (2) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 45(2)(x) dan dikuatkuasakan selepas persetujuan Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi ini dan Ketua Pendaftar.

2. TUJUAN

Tujuan Kumpulan Wang Skim Perlindungan Pembiayaan (selepas ini disebut "Kumpulan Wang ini") diwujudkan ialah untuk :-

- (a) Merancang, menjalankan dan mengawal segala aktiviti yang berkaitan dengan Skim Perlindungan Pembiayaan (selepas ini disebut "Skim ini");
- (b) Mengumpulkan wang yang cukup bagi menjalankan Skim ini dengan jayanya; dan
- (c) Memudahkan anggota-anggota mendapat kemudahan pembiayaan tanpa jaminan anggota-anggota lain.

3. MODAL DAN SUMBER KEWANGAN

- (1) Modal dan sumber kewangan bagi melaksanakan Kumpulan Wang ini adalah diperolehi dari :-
 - (a) Satu bayaran yang dikenakan ke atas anggota yang mengambil pembiayaan berjamin tanpa jaminan anggota-anggota lain;
 - (b) Peruntukan dari keuntungan Koperasi ini yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan mengikut Undang-undang Kecil 66(2)(f); dan
 - (c) Pulangan dari pelaburan wang Kumpulan Wang ini.
 - (d) Peruntukan dari keuntungan pembiayaan koperasi yang dikeluarkan kepada anggota. Walaubagaimanapun kadar yang diambil adalah mengikut kuasa lembaga
- (2) Lembaga berkuasa, apabila mendapati kedudukan kewangan Kumpulan Wang ini kukuh dan mencukupi bagi meneruskan Skim ini menghentikan perolehan kewangan dinyatakan di Aturan 3(1)(b) dan/atau 3(1)(c) di atas.

4. PENTADBIRAN

Kumpulan Wang ini hendaklah ditadbir oleh Lembaga atau Jawatankuasa Kerja yang dilantik di bawah Undang-undang Kecil 45(2)(w).

5. **KELAYAKAN PESERTA**

Kemudahan anggota-anggota perlindungan di bawah Kumpulan Wang ini adalah terbuka kepada anggota-anggota yang mengambil pembiayaan tanpa penjamin-penjamin dengan syarat mereka :-

- (a) Telah disahkan dalam jawatan;
- (b) Telah menjadi anggota sekurang-kurangnya tiga bulan;
- (c) Telah mendapat perlindungan di bawah Skim Perlindungan Takaful yang dianjurkan atau diusahakan oleh Koperasi ini; dan
- (d) Tidak menghadapi apa jua bentuk tindakan sama ada terhadap anggota-anggota atau oleh anggota-anggota itu sendiri berkaitan perkara pembuangan kerja, penamatan dari perkhidmatan, perletakan jawatan, persaraan dari perkhidmatan atas pilihan sendiri atau pun atas perakuan Lembaga Perubatan, atau pun tindakan kebangkrutan pada tarikh permohonan pembiayaan berjamin untuk menggunakan Skim ini dikemukakan kepada Koperasi ini.

6. **JENIS PERLINDUNGAN**

Perlindungan-perlindungan di bawah Kumpulan Wang ini hanya diberi untuk keadaan-keadaan berikut bagi sepanjang masa pembiayaan berjalan dan hendaklah tertakluk kepada Aturan 8(4) dan Aturan 10 :-

- (a) Anggota-anggota yang mati: atau
- (b) Anggota-anggota yang menjadi bankrap; atau
- (c) Anggota-anggota yang bersara dari perkhidmatan disebabkan kesihatan

7. **KADAR BAYARAN**

- (1) Kadar bayaran yang dikenakan ialah seperti lampiran 1.
- (2) Lembaga berkuasa membuat perubahan kepada kadar bayaran ini dari masa ke semasa.

8. **CADANGAN MENGGUNAKAN KEMUDAHAN SKIM INI**

- (1) Semua cadangan untuk menggunakan kemudahan Skim ini hendaklah dibuat di atas borang rasmi yang disediakan oleh Lembaga.
- (2) Anggota-anggota hendaklah mengikrar dengan jujur, benar dan lengkap semua keterangan yang beliau tahu atau sepatutnya tahu di borang cadangan untuk menggunakan Skim ini.
- (3) Borang cadangan dan segala pengisytiharan yang diperbuat oleh anggota di dalam borang cadangan itu akan menjadi sebagai sebahagian daripada Bon pembiayaan.
- (4) Mana-mana anggota yang telah diberi pembiayaan dengan menggunakan Skim ini yang kemudiannya didapati telah membuat pengisytiharan palsu berkaitan mana-mana perkara yang dinyatakan di Aturan 5(d) di atas hendaklah dituntut di bawah

sebarang undang-undang bertulis termasuk tindakan mahkamah untuk mengembalikan hutangnya (termasuk keuntungan) kepada Koperasi ini. Anggota itu juga hendaklah dipecat keanggotaannya dari Koperasi ini.

9. KUASA LEMBAGA

- (1) Adalah menjadi kuasa muktamad Lembaga untuk menolak sesuatu permohonan pembiayaan berjamin dengan menggunakan Skim ini daripada mana-mana anggota bagi tujuan mengawal Kumpulanwang ini.
- (2) Anggota-anggota tidak boleh menuntut bahawa kemudahan pembiayaan dengan menggunakan Skim ini sebagai satu daripada hak-haknya sepertimana yang tersebut di bawah Undang-undang Kecil 16.

10. BAYARAN DARI KUMPULAN WANG

- (1) Dalam kejadian di mana seseorang anggota yang telah diberikan pembiayaan di bawah Skim ini terlibat dalam mana-mana perkara yang tersebut di bawah Aturan 6(a), Lembaga adalah berkuasa menggunakan wang dari Kumpulan Wang ini untuk menjelaskan baki hutangnya setelah diambilkira apa-apa bayaran yang diterima dari bantuan Khairat Kematian di bawah Aturan Kumpulan Wang Kebajikan Anggota, Skim Perlindungan Takaful atau Great Eastern, Modal Yuran dan lain-lain hak kepentingan anggota itu di Koperasi ini.
- (2) Dalam kejadian di mana seseorang anggota yang telah diberikan pembiayaan di bawah skim ini terlibat di bawah Aturan 6(b) atau 6(c) maka Lembaga adalah berkuasa menggunakan wang dari Kumpulan Wang ini untuk menjelaskan baki hutangnya setelah diambilkira apa-apa bayaran yang diterima dari Skim Perlindungan Takaful atau Great Eastern, Modal Yuran dan lain hak kepentingan anggota itu di Koperasi ini.
- (3) Dalam kejadian di mana seseorang anggota yang telah diberikan pembiayaan di bawah Skim ini terlibat selain daripada yang tersebut di bawah Aturan 6 dan setelah semua cara untuk mendapatkan balik hutang(termasuk keuntungan) daripada anggota gagal, maka Lembaga adalah berkuasa menggunakan wang dari Kumpulan Wang ini untuk menjelaskan baki hutang setelah diambil kira apa-apa bayaran yang diterima dari Skim Perlindungan Takaful atau Great Eastern, Modal Yuran dan lain-lain hak kepentingan anggota di Koperasi ini.
- (4) Segala perbelanjaan yang berbangkit dalam usaha mendapatkan balik baki hutang dari anggota hendaklah dibayar dari Kumpulan Wang ini.
- (5) Bagi Aturan 10(3) setelah pihak koperasi membuat penyelarasan hutang anggota dengan wang Kumpulan Wang ini maka usaha untuk mendapatkan semula hutang perlu dilakukan kepada penjamin atau melalui tindakan undang-undang terhadap anggota berhutang dan semua kutipan diselaraskan semula dengan wang Kumpulan Wang ini.

11. PELABURAN

- (1) Lembaga boleh apabila difikirkan sesuai, melaburkan semua, atau sebahagian daripada wang Kumpulan Wang ini dengan persetujuan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dalam saham-saham swasta atau awam, Bon-bon Kerajaan atau mana-mana bank dan institusi kewangan berlesen yang diluluskan syariah.

- (2) Apa-apa perolehan dari pelaburan ini hendaklah dimasukkan semula ke dalam Kumpulan Wang ini untuk digunakan bagi maksud dan tujuan-tujuan Kumpulan Wang ini atau dilaburkan semula bagi menambahkan kewangan Kumpulan Wang ini.
- (3) Tanpa menghiraukan peruntukan di Aturan 3(1)(d), Lembaga berkuasa memindahkan sebahagian atau semua pulangan dari pelaburan wang Kumpulan Wang ini ke dalam akaun untung-rugi Koperasi ini.

12. **TAHUN KEWANGAN**

Tahun kewangan Kumpulan Wang ini adalah sama seperti tahun kewangan Koperasi ini.

13. **AUDIT**

Akaun Kumpulan Wang ini hendaklah diaudit bersekali dengan akaun-akaun lain Koperasi ini setahun sekali.

14. **PENGGANTUNGAN/PEMBUBARAN KUMPULAN WANG**

Jika keadaan atau kedudukan kewangan Kumpulan Wang ini tidak mengizinkan lagi operasinya diteruskan, Lembaga berkuasa menggantungkan perjalanan Kumpulan Wang ini sehingga keadaan atau kedudukan kewangannya dipulihkan semula atau membubarkannya sama sekali.

15. **MAKLUMAT KEPADA MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN**

Lembaga hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan laporan-laporan mengenai aktiviti-aktiviti Kumpulan Wang ini serta membuat cadangan-cadangan bagi memajukannya.

16. **TAKRIF**

Jika timbul sebarang perbezaan takrif mengenai Aturan ini, maka takrif Lembaga adalah muktamad.

17. **PINDAAN KEPADA ATURAN**

- (1) Aturan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Undang-undang Kecil Koperasi ini dan Akta serta Peraturan-peraturan.
- (2) Lembaga Koperasi ini, dengan persetujuan Suruhanjaya Koperasi Malaysia bolehlah meminda sebarang peruntukan dalam Aturan ini apabila difikirkan mustahak untuk memudahkan perjalanan dan pengurusan Kumpulan Wang ini.

**Diakui aturan ini telah dibentang, dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat
Agung Perwakilan ke 83 pada 30 APRIL 2011**

KOPERASI PEGAWAI KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG BERHAD

.....
(ABDUL RAZAK BIN MANSOR)
PENGERUSI

.....
(ABU BAKAR BIN KASIM)
ANGGOTA LEMBAGA

.....
(ISHAK BIN HUSSAIN)
ANGGOTA LEMBAGA